



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Dadah Berbahaya (Pindaan) 1983
DR.13/1983

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952.

I

I

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1983.

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Seksyen 7 dan 17 masing-masingnya hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 15hb November 1977 dan 30hb Mei 1980.

2. Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda—

Pindaan
seksyen 2.
Akta 234.

(a) dengan memotong takrif "Bureau";

(b) dengan menggantikan takrif "cannabis" dengan yang berikut:

"cannabis" means any part of any plant of the genus *Cannabis* from which the resin has not been extracted, by whatever name it may be designated; dan

(c) dengan memotong takrif "police officer".

3. Seksyen 6A Akta ibu adalah dimansuhkan.

Pemansuhan
seksyen 6A.

Pindaan
seksyen 8.

4. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan "or opium" selepas perkataan-perkataan "prepared opium".

Pindaan
seksyen 9.

5. Subseksyen (2) seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "and where the subject matter is prepared opium of more than 250 grammes in weight, he shall also be punished with whipping of not less than three strokes".

Pindaan
seksyen 10.

6. Subseksyen (3) seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "or drink" dengan perkataan-perkataan " , drink, inhale, or introduce into the body in any manner or by any means whatsoever".

Seksyen
baru 25p.

7. Bahagian VA Akta ibu adalah dipinda dengan menambah selepas sahaja seksyen 25o seksyen baru 25p yang berikut:

"Jurisdic-
tion.
Act 92.
F.M.S.
Cap. 6

25p. Notwithstanding any provision in the Subordinate Courts Act 1948 or the Criminal Procedure Code or any other written law to the contrary, any power or jurisdiction, conferred on a Magistrate or a Magistrate's Court or any other Court under sections 25A, 25B, 25C, 25H and 25I of this Part over the matters specified therein may be exercised by any Magistrate or Magistrate's Court or any other Court whether such matter arose within or outside the local jurisdiction of the Magistrate or within or outside the local limits of the Magistrate's Court or other Court, as the case may be."

Seksyen
baru 27A.

8. Atka ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 27 seksyen baru 27A yang berikut:

"Power to
intercept
communica-
tion.

27A. (1) Notwithstanding the provisions of any other written law, the Public Prosecutor, if he considers that it is likely to contain any information relating to the commission of an offence against this Act or to an act preparatory to or for the purpose of committing an offence against this Act, may, on

the application of a police officer not below the rank of Superintendent of Police or of an officer of customs not below the rank of Assistant Director of Customs and Excise, authorise any police officer or officer of customs, as the case may be,

(a) to intercept, detain and open any postal article in the course of transmission by post;

(b) to intercept any message transmitted or received by any telecommunication; or

(c) to intercept or listen to any conversation by telecommunication.

(2) When any person is charged with an offence against this Act, any information obtained by a police officer or officer of customs in pursuance of subsection (1), whether before or after such person is charged, shall be admissible at his trial in evidence.

(3) An authorisation by the Public Prosecutor under subsection (1) may be given either orally or in writing, and either to any particular police officer or officer of customs, or generally to the Inspector-General of Police and all other police officers or the Director-General of Customs and Excise and all other officers of customs:

Provided that where an oral authorisation is given, the Public Prosecutor shall, as soon as practicable, reduce the authorisation into writing.

(4) A certificate by the Public Prosecutor that the action taken by a police officer or an officer of customs in pursuance of subsection (1) had been authorised by him under subsection (1) shall be conclusive evidence that it had be so authorised, and such certificate shall be admissible in evidence without proof of signature thereof.

(5) No person shall be under any duty, obligation or liability, or be in any manner compelled, to disclose in any proceedings the procedure, method, manner or means, or any matter whatsoever related thereto, with regard to anything done under paragraph (a), (b) or (c) of subsection (1).

(6) For the purpose of this section—

Act 211. “postal article” shall have the same meaning as in the Post Office Act 1947; and

Act 20. “telecommunication” shall have the same meaning as in the Telecommunications Act 1950.”

Pindaan
seksyen 31.

9. Seksyen 31 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menambah sebelum noktah dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan yang berikut “, and every offence against this Act shall be deemed to be a seizable offence for the purposes of the Criminal Procedure Code”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “and may be searched” dalam subseksyen (2), dengan perkataan-perkataan “and every person so arrested may be searched at any convenient place”.

Seksyen
baru 31A
dan 31B.

10. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 31 seksyen baru 31A dan 31B yang berikut:

“Examination of arrested person by a medical officer. 31A. (1) When any person is arrested on a charge of committing an offence against this Act—

(a) which is of such a nature; or

(b) which is alleged to have been committed under such circumstances,

as give reasonable grounds for believing that an examination of his person will afford evidence as to the commission of an offence against this Act, it shall be lawful for a medical officer acting at the request of any

police officer not below the rank of Sergeant, or any other officer in charge of a police station, or any officer of customs, and for any person acting in aid of a medical officer and under his direction, to make such an examination or examinations of the person arrested as may be reasonably necessary in order to ascertain the facts which may afford such evidence, and to use or cause to be used such force as may be reasonably necessary for that purpose.

(2) For the purposes of this section "medical officer" includes any person employed by the Government or a statutory authority as a medical officer or as a chemist.

Procedure where investigation cannot be completed within twenty-four hours by an officer of customs.

31B. (1) Whenever any person is arrested and detained in custody by any officer of customs for an offence against this Act, and it appears that the investigation cannot be completed within a period of twenty-four hours from the time that the person is arrested, any officer of customs may produce such person before a Magistrate and the Magistrate may, whether he has or has not jurisdiction to try the case, from time to time, authorise the detention of such person in such custody as such Magistrate thinks fit for a term not exceeding fifteen days in the whole.

(2) If a Magistrate acting under subsection (1) does not have jurisdiction to try the case and considers further detention unnecessary, he may order such person to be produced before a court having such jurisdiction, or, if the case is triable exclusively by the High Court, before himself or any Magistrate having jurisdiction with a view to transmitting the case for trial by the High Court.

(3) Nothing in this section shall be construed as in any manner derogating from the provisions of section 117 of the Criminal Procedure Code in its application in any case of an offence against this Act where the investigation is made by a police officer."

Pindaan
seksyen 37.

11. Seksyen 37 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perenggan (da) dengan perenggan baru (da) yang berikut—

“(da) any person who is found in possession of—

(i) 15 grammes or more in weight of heroin;

(ii) 15 grammes or more in weight of morphine;

(iii) a total of 15 grammes or more in weight of heroin and morphine;

(iv) 1,000 grammes or more in weight of prepared opium;

(v) 1,000 grammes of raw opium; or

(vi) 200 grammes or more in weight of cannabis or cannabis resin,

otherwise than in accordance with the authority of this Act or any other written law, shall be presumed, until the contrary is proved, to be trafficking in the said drug;” dan

(b) dengan menggantikan perenggan (i) dengan perenggan baru (i) yang berikut:

“(i) evidence by a police officer not below the rank of Sergeant or by a senior officer of customs that any pipe or other article is for use in the consumption of prepared opium, cannabis, cannabis resin or substances of which such resin forms the base, or in the preparation of any of the aforesaid substances for consumption shall, until the contrary is proved, be deemed to be sufficient evidence of the fact, and for the purposes of this paragraph “consumption” means eating, chewing, smoking, swallowing, drinking, inhaling or introducing any of the aforesaid substances into the body in any manner or by any means whatsoever;”.

12. Seksyen 37A Akta ibu adalah dipinda dengan menambah selepas sahaja subseksyen (2) subseksyen baru (3) yang berikut: Pindaan seksyen 37A.

“(3) Where a statement is purported to be made by a person charged with an offence against this Act under and in accordance with section 113 of the Criminal Procedure Code, the statement so made shall be deemed to have been made under and in accordance with this section.”.

*F.M.S.
Cap. 6.*

13. Seksyen 39A Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikannya dengan seksyen baru 39A yang berikut: Pindaan seksyen 39A.

“Increased penalty where subject matter is heroin, morphine, prepared opium or raw opium.” 39A. Every person found guilty of an offence against this Act where the offence is not punishable with death and where the subject matter of the offence is—

(a) heroin or morphine, as the case may be, of 5 grammes or more in weight; or

(b) prepared opium or raw opium, as the case may be, of 250 grammes or more in weight,

shall, instead of being liable to the punishment provided for that offence under the section under which the person has been so found guilty, be punished with imprisonment for life or for a term which shall not be less than five years, and he shall also be punished with whipping of not less than six strokes.”.

14. Subseksyen (2) seksyen 39B Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan “or imprisonment for life and shall, if he is not sentenced to death, also be liable to whipping”. Pindaan seksyen 39B.

15. Subseksyen (1) seksyen 41 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikannya dengan subseksyen (1) yang berikut: Pindaan seksyen 41.

“(1) A Sessions Court or a Magistrates’ Court presided over by a Magistrate of the First Class shall have jurisdiction to try any offence under this Act, except an offence under section 39B, and

power to impose for any offence so tried the full punishment or penalty provided for that offence by this Act or by any regulations made thereunder, other than, in the case of a Magistrates' Court, imprisonment exceeding five years."

Pindaan
seksyen
41A.

16. Subseksyen (1) seksyen 41A Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan "is triable exclusively by the High Court or" selepas sahaja perkataan-perkataan "under this Act".

Pindaan
seksyen 48.

17. Seksyen 48 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Inspectors" dengan perkataan-perkataan "Drug Enforcement Officers".

HURAIAN

Akta 234.

Akta ini bertujuan meminda Akta Dadah Berbahaya 1952.

Akta 23/67.

2. *Fasal 2* bertujuan membuat pindaan kepada seksyen 2 Akta. Ianya bertujuan mentakrif semula perkataan "cannabis" supaya mana-mana bahagian pokok cannabis yang masih belum diekstrak resinya termasuk ke dalam makna "cannabis". Ianya juga bertujuan memotong perkataan "pegawai polis" dan "Biro" oleh kerana "pegawai polis" ditakrifkan dalam Akta Tafsiran 1967 dan Biro yang diliputi oleh takrif yang ada sekarang tidak lagi wujud.

3. Di bawah *Fasal 13* seseorang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan terhadap Akta di mana hal perkaranya adalah heroin atau morphin, mengikut yang mana berkenaan, sebanyak 5 gram atau lebih atau candu masak atau candu mentah, mengikut yang mana berkenaan, sebanyak 250 gram atau lebih hendaklah dihukum dengan penjara seumur hidup atau tidak kurang daripada lima tahun dan sebat tidak kurang daripada 6 sebatan. Bagaimanapun seksyen 6A dan 9 (2) memperuntukkan penalti tambahan yang berlainan bagi kesalahan-kesalahan tertentu di mana hal perkaranya adalah candu mentah atau candu masak dan kriteria berat bagi tiap-tiap bahan adalah berlainan daripada yang dicadangkan di bawah *Fasal 13*. Oleh kerana itu *Fasal 3* bertujuan memansuhkan seksyen 6A dan *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 9 (2) untuk mengelakkan anomali dalam undang-undang.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 8 Akta supaya bukan sahaja sebutan mengenai "candu masak" ("prepared opium") tetapi juga mengenai "candu" ("opium") dalam Bahagian III Akta akan ditafsirkan sebagai sebutan mengenai cannabis, resin cannabis dan bahan-bahan yang mana resin sedemikian menjadi besnya.

5. *Fasal 6* bertujuan meminda subseksyen (3) seksyen 10 untuk meluaskan makna perkataan "menggunakan" ("consume") dengan variasi gramatisnya berhubung dengan penggunaan candu masak, cannabis, resin cannabis atau bahan-bahan yang mana resin sedemikian menjadi besnya supaya meliputi menyedut atau memasukkan bahan-bahan itu ke dalam badan mengikut apa-apa cara atau dengan menggunakan apa jua alat.

6. *Fasal 7* bertujuan memberi penjelasan dalam Bahagian VA Akta bahawa apabila sesuatu kuasa atau bidang kuasa diberi kepada seseorang Majistret atau sesuatu Mahkamah Majistret atau mana-mana Mahkamah untuk membicarakan penagih-penagih dadah serta perbuatan-perbuatan dan ketinggalan-keinggalan mereka yang berikutnya dan lain-lain perkara tertentu yang berkaitan, Majistret, Mahkamah Majistret atau mana-mana Mahkamah itu boleh menjalankan kuasa atau bidang kuasa itu sama ada penagih dadah itu ditahan dalam jagaan, atau perbuatan-perbuatan atau ketinggalan-keinggalan berikutnya dan lain-lain perkara tertentu yang berkaitan itu berbangkit, di dalam atau di luar bidang kuasa tempatan Majistret atau di dalam atau di luar had kawasan Mahkamah Majistret itu atau Mahkamah lain yang berkenaan.

7. *Fasal 8* bertujuan mengajukan seksyen baru 27A untuk memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis atau pegawai kastam, dengan kebenaran Pendakwa Raya, memintasi, menahan atau membuka apa-apa barang pos dalam perjalanan pengiriman melalui pos atau memintasi mesej yang dihantar atau diterima melalui telekomunikasi atau memintasi atau mendengar apa-apa perbualan melalui telekomunikasi.

Pendakwa Raya boleh membenarkan tindakan sedemikian sama ada secara lisan atau secara bertulis (dan jika secara lisan, kebenaran itu hendaklah diturunkan secara bertulis dengan seberapa cepat yang praktik) jika dia memikirkan bahawa maklumat berhubung dengan perlakuan sesuatu kesalahan terhadap Akta atau dengan sesuatu perbuatan sebagai persediaan bagi atau bagi maksud melakukan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini mungkin boleh didapati dengan tindakan sedemikian. Permohonan bagi mendapatkan sesuatu kebenaran bagi tindakan itu hendaklah dibuat oleh pegawai yang berpangkat tinggi, sama ada seorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Penguasa Polis atau seorang pegawai kastam yang berpangkat tidak rendah daripada Penolong Pengarah Kastam dan Eksais.

Suatu perakuan oleh Pendakwa Raya bahawa tindakan itu telah dibenarkan adalah menjadi keterangan konklusif bahawa ianya telah dibenarkan demikian dan boleh diterima di Mahkamah tanpa bukti mengenai tandatangan perakuan itu. Maklumat yang diperolehi melalui tindakan sedemikian boleh diterima di perbicaraan itu tidak kira sama ada maklumat itu diterima sebelum atau selepas orang itu dipertuduhkan. Namun demikian, prosedur, kaedah, cara atau jalan memperoleh maklumat itu tidak boleh dizahirkan dalam mana-mana prosiding.

N.M.B.
Bab 6.

8. *Fasal 9* bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 31 untuk menjadikan tiap-tiap kesalahan terhadap Akta sebagai kesalahan boleh ditangkap bagi maksud-maksud Kanun Prosedur Jenayah dan ini akan membolehkan kuasa penyiasatan khas dijalankan tanpa perintah Pendakwa Raya yang jika tidak adalah diperlukan di bawah seksyen 108 (ii) Kanun Prosedur Jenayah. *Fasal* ini juga bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 31 untuk menjelaskan bahawa pemeriksaan orang yang ditangkap di bawah Akta ini boleh dilakukan di mana-mana tempat yang sesuai.

9. *Fasal 10* bertujuan mengajukan seksyen baru 31A dan 31B. Seksyen 31A yang dicadangkan ini memperuntukkan bahawa jika, mengikut seksyen itu, terdapat alasan-alasan yang munasabah untuk berbuat demikian, adalah sah di sisi undang-undang bagi seseorang pegawai perubatan (yang bertindak atas permintaan seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan atau mana-mana pegawai lain yang menjaga sesuatu balai polis atau mana-mana pegawai kastam) memeriksa mengikut cara perubatan seseorang yang ditangkap di bawah Akta bagi memastikan fakta-fakta yang boleh dijadikan keterangan mengenai perlakuan sesuatu kesalahan terhadap Akta dan menggunakan apa-apa kekerasan sebagaimana perlu bagi pemeriksaan itu.

N.M.B.
Bab 6.

Seksyen 31B yang dicadangkan itu membolehkan diguna, dalam bentuk yang diubahsuai, oleh pegawai-pegawai kastam, prosedur-prosedur yang sedia digunakan oleh pegawai polis di bawah seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah berhubungan dengan pengemukaan di hadapan seseorang Majistret, dan penahanan dengan kuasa Majistret itu, orang yang ditangkap kerana sesuatu kesalahan terhadap Akta jika penyiasatan itu tidak boleh dihabiskan dalam masa dua puluh empat jam daripada masa penangkapan orang itu.

10. Perenggan (da) seksyen 37 Akta memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang didapati memiliki mana-mana dadah berbahaya tertentu yang ditetapkan sebanyak kuantiti yang ditetapkan atau lebih, mengikut berat, selain daripada mengikut kuasa Akta atau mana-mana undang-undang bertulis lain hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai mengedar dadah berbahaya tersebut. *Fasal 11 (a)* bertujuan mengurangkan penentuan berat bagi heroin daripada 100 gram kepada 15 gram, bagi morphin daripada 100 gram kepada 15 gram dan bagi candu mentah daripada 5 kilogram kepada 1,000 gram. Bagaimanapun, penentuan berat yang ada sekarang sebanyak 1,000 gram bagi candu dan 200 gram bagi cannabis atau resin cannabis adalah tidak dicadangkan untuk ditukar. Pindaan ini juga bertujuan menambah suatu kategori baru yang terdiri daripada campuran heroin dan morphin yang berat ditetapkan baginya ialah sebanyak 15 gram.

Fasal 11 (b) bertujuan meminda perenggan (i) seksyen 37 untuk membolehkan keterangan seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan atau seseorang pegawai

kanan kastam bahawa sesuatu paip atau alat lain adalah digunakan bagi penggunaan candu masak, cannabis, resin cannabis, atau bahan-bahan yang mana resin sedemikian menjadi besnya atau bagi menyediakannya untuk digunakan, sebagai keterangan yang mencukupi bagi maksud-maksud apa-apa prosiding di bawah Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

11. *Fasal 12* bertujuan meminda seksyen 37A. Di bawah seksyen 37A sesuatu pernyataan yang dibuat oleh seseorang yang dipertuduh dengan sesuatu kesalahan terhadap Akta mengikut seksyen ini boleh diterima sebagai keterangan di perbicaraannya dan jika orang itu memberi keterangan sebagai seorang saksi, pernyataan itu boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya. Di bawah subseksyen (3) seksyen 37A yang dicadangkan ini, adalah diperuntukkan bahawa jika sesuatu pernyataan berupa dibuat oleh seseorang yang dipertuduh dengan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini dan mengikut seksyen 113 Kanun Prosedur Jenayah, maka pernyataan yang dibuat itu hendaklah disifatkan sebagai telah dibuat di bawah seksyen 37A.

N.M.B.
Bab 6.

12. *Fasal 14* bertujuan meminda hukuman mati atau penjara seumur hidup yang sedia ada bagi kesalahan-kesalahan mengedar dadah berbahaya, menawar untuk mengedarkan dadah berbahaya atau melakukan atau menawar untuk melakukan sesuatu perbuatan sebagai persediaan kepada atau bagi maksud mengedarkan dadah berbahaya, kepada hukuman mati sahaja, dan *Fasal 15* dan *16* bertujuan meminda seksyen 41 dan 41A bagi melaksanakan perubahan-perubahan yang berbangkit.

13. *Fasal 17* bertujuan membetulkan kealpaan dalam pindaan yang dahulu berhubungan dengan "Pegawai Penguatkuasa Dadah".

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1228.]